

KENYATAAN MEDIA

13 SEPTEMBER 2019

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **ST Serbu Premis Disyaki Curi Elektrik**

**Labuan, 13 September** – Suruhanjaya Tenaga (ST) membuat serbuan terhadap dua premis hiburan di sini malam tadi, kerana disyaki melakukan kegiatan penggunaan elektrik secara curang.

Diketuai oleh Timbalan Pengarah Perancangan dan Penyelarasan Penguatkuasaan ST, Ir. Shafie Mohamed, operasi bersepadu antara ST dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) itu mendapati premis berkenaan melakukan pengusikan pada pemasangan meter elektrik sehingga menyebabkan ia gagal merekod bacaan dengan sempurna.

Siasatan lanjut akan dijalankan oleh ST dan jika didapati bersalah, pemilik premis ini boleh didakwa di bawah Seksyen 37 (1) dan Seksyen 37 (3) Akta Bekalan Elektrik 1990 yang melibatkan hukuman denda sehingga RM1 juta atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama. Denda sehingga RM5 juta atau penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya pula boleh dikenakan untuk kesalahan kedua dan seterusnya.

ST ingin mengingatkan orang ramai agar tidak melakukan sebarang kegiatan penggunaan elektrik secara curang kerana ia bukan saja menyalahi undang-undang, malah boleh mengundang bahaya kepada orang ramai apabila aspek keselamatan elektrik diabaikan.

**\*\*\*Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*  
*Zairulliati Mali/Harith Safruddin*  
*Unit Promosi dan Hubungan Luar*  
*Tel: 03 8870 8598/013 2183778/018 3822545*  
*Faks: +603 8888 8636*  
*Emel: zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my*

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.